



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

**UCAPAN PERASMIAN  
YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA**

**PROGRAM SUARA ANDA TANGGUNGJAWAB UTAMA (SATU)  
PERINGKAT DAERAH LUNDU**

**DEWAN MASYARAKAT CINA LUNDU, SARAWAK  
12 FEBRUARI 2017 (AHAD)**

## **[SALUTASI]**

Hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera,

## **MUKADIMAH**

1. Alhamdullilah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya kita dapat berhimpun di Dewan Masyarakat Lundu petang ini bagi bersama-sama meraikan dan menjayakan Program Suara Anda Tanggungjawab Utama (SATU).
2. Terlebih dahulu, saya mewakili pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada dan tuan-tuan dan puan –puan penduduk di sini kerana turut bersama-sama dengan kita semua pada hari ini. Tidak dilupakan agensi-agensi Kerajaan dan rakan strategik Kementerian kerana sentiasa menyokong usaha serta program-program yang dilaksanakan oleh KPWKM sejak mula Kementerian ditubuhkan sehingga ke hari ini.

## **PROGRAM SUARA ANDA TANGGUNGJAWAB UTAMA (SATU)**

Hadirin yang dihormati,

3. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merangka pelbagai aktiviti dan program dalam usaha mendampingi kumpulan sasar di peringkat akar umbi. Salah satu program yang diadakan ialah Program Suara Anda Tanggungjawab Utama atau lebih dikenali sebagai Program SATU.
4. Saya merangka SATU ini sebagai platform untuk saya dan juga warga KPWKM bertemu dan bersama-sama dengan kumpulan sasar. Program ini merupakan salah satu kaedah penyampaian perkhidmatan awam Kementerian secara terus kepada golongan sasar Kementerian susulan menerima pelbagai maklum balas dan aduan yang diutarakan oleh masyarakat yang masih kurang jelas tentang peranan, fungsi dan perkhidmatan yang disediakan oleh KPWKM.
5. Sejak SATU diperkenalkan pada tahun 2014, Kementerian sentiasa menerima maklum balas positif terus daripada rakyat dan telah diperluaskan ke kawasan lain seperti di Limbang, Miri, Kuching selain menjelajah ke seluruh negeri. Pada hari ini tuan-tuan dan puan-puan akan dapat menikmati pelbagai servis dan perkhidmatan seperti pemeriksaan kesihatan daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), kaunter pertanyaan mengenai bantuan Orang Kurang Upaya (OKU), kaunter

pendaftaran PERWANI, pendaftaran sukarelawan dan pelbagai lagi perkhidmatan daripada agensi lain.

6. Bermula pada tahun lalu, pelaksanaan SATU digiatkan lagi dengan memfokuskan kepada konsep pembangunan komuniti setempat dan pemerkasaan pembangunan usahawan sosial seiring dengan misi Kementerian. Program turut dijalankan dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan lain yang berkaitan seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pendidikan, Jabatan Belia dan Sukan, Ibu Pejabat Polis Daerah dan sebagainya.
7. Oleh yang demikian, tuan-tuan dan puan-puan jangan lepaskan peluang pada hari ini untuk berjumpa, bertanya dan mendapatkan informasi daripada pegawai-pegawai kami mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kementerian.

## BANTUAN JKM

Hadirin yang dikasihi sekalian,

8. Setiap tahun, kerajaan tidak lupa tentang kebijakan kumpulan sasaran. Melalui pengumuman bajet tahun 2016, sejumlah **RM1.4 billion** telah diperuntukkan kepada JKM bagi sebanyak **468 ribu kes**. Peruntukan tersebut meliputi **RM226 juta** untuk Bantuan Am, **RM226 juta** untuk Bantuan Kanak-kanak, **RM287 juta** untuk Elaun Pekerja Cacat dan **RM84juta** Bantuan OKU Terlantar.

9. Saya juga dimaklumkan bahawa negeri Sarawak menerima peruntukan sebanyak **RM176 juta, meningkat RM3juta berbanding tahun lalu**. Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam mendalam menjaga kebijakan dan kesejahteraan golongan yang memerlukan.

Hadirin sekalian,

## **KEBAJIKAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA**

10. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan salah sebuah agensi yang terpenting bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. JKM bertanggungjawab mewujudkan masyarakat berbudaya penyayang dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui perkhidmatan kebijakan dan pembangunan sosial yang profesional dan perkongsian tanggungjawab yang strategik.
11. Bagi memastikan Jabatan kekal relevan dan berupaya meningkatkan daya saing, perubahan persekitaran yang berlaku harus ditangani dengan bijaksana supaya terangkum dan sepunya dalam semua program dan yang dikendalikan di samping mampu menyokong kepada agenda Transformasi Negara.
12. Dalam konteks perkhidmatan bantuan, Jabatan akan memastikan kakitangan untuk lebih peka dengan perubahan persekitaran, memastikan permohonan bantuan atau isu-isu yang timbul samada

dalam media cetak atau media sosial dapat diurus dengan cepat, cekap dan berkesan.

13. Justeru, kerjasama erat di antara pemimpin tempatan dengan Kementerian amat penting demi kesejahteraan masyarakat dan penduduk di daerah ini khususnya.

## PROGRAM KOMUNITI PERWANI

14. Pada 2013 yang lalu, YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri telah mengumumkan pelancaran inisiatif baharu, iaitu **Komuniti PERWANI 1Malaysia** di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan. Inisiatif ini bertujuan untuk mewujudkan 100,000 kumpulan PERWANI di seluruh Malaysia dengan setiap kumpulan terdiri daripada 10 hingga 20 ahli.
15. Di samping itu, PERWANI juga berperanan untuk mempromosi kesejahteraan masyarakat dengan mengenal pasti program atau aktiviti yang memberi faedah kepada anggota masyarakat setempat. Kumpulan PERWANI juga bertindak sebagai penghubung masyarakat, menjadi mata dan telinga Kerajaan atau secara ringkasnya ialah sebagai **agen transformasi di peringkat komuniti**.
16. Kementerian ini menerusi agensinya di peringkat negeri dengan kerjasama Kementerian Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga kerana melaksanakan pelbagai program dan perkhidmatan yang memberi manfaat kepada golongan wanita melalui PERWANI

seperti mempromosikan penjagaan kesihatan, kebajikan keluarga, latihan kemahiran, keusahawanan dan menganjurkan kelas tuisyen.

17. Saya percaya wanita-wanita di sini dapat menjadi agen transformasi kebajikan negara dengan menyalurkan input dan maklumbalas daripada penerima bantuan terutama di peringkat akar umbi untuk tindakan selanjutnya oleh KPWKM.
18. Sukacita ingin saya maklumkan bahawa sejak dilancarkan sehingga 5 Januari 2017, sebanyak 13,047 kumpulan komuniti PERWANI telah berjaya ditubuhkan dengan keahlian anggota seramai 170,723 orang.
19. Bagi negeri Sarawak pula, sebanyak 987 komuniti PERWANI berjaya dibentuk dengan keahlian anggota seramai 14,849 orang.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

20. Sebelum mengakhiri ucapan saya pagi ini, saya sekali lagi merakamkan sekalung penghargaan serta ucapan terima kasih kepada penduduk di sini yang sudi hadir bagi memeriahkan program SATU pada hari ini. Semoga sokongan dan komitmen hadirin sekalian dalam memastikan usaha-usaha membantu kumpulan Sasaran akan diberkati. Kepada hadirin sekalian, jangan lepaskan peluang untuk berkunjung di tapak pameran yang terdapat pada hari ini untuk memahami dan mengetahui dengan lebih mendalam mengenai perkhidmatan yang ditawarkan oleh KPWKM dan agensi di bawahnya serta lain-lain jabatan dan agensi.

21. Dengan lafaz Bismillah Hir Rahman Nir Rahim saya dengan ini  
merasmikan **Program SATU di Daerah Lundu, Sarawak.**

Sekian, terima kasih

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.